

18/02/2003

NAM pikul tanggungjawab kekalkan keamanan dunia

Dr Mohd Azam Rauzan

BAYANGKAN anda berada di sebuah negara bernama Iraq. Tentu sekali persoalan yang sentiasa berlegar di kotak pemikiran ialah mengenai sama ada peperangan akan melanda atau tidak dan bila pula akan bermula.

Paling

penting, bagaimana dengan nasib yang bakal menimpa keluarga serta masa depan anda.

Malah pada saat ini, seluruh dunia menunggu dengan penuh debaran apakah

peperangan akan meletus di Iraq.

Percaturan tidak lagi dapat disandarkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB), yang terkial-kial untuk memainkan peranannya dalam menentukan keamanan dunia.

Seluruh warga dunia mula menunjukkan ketidaksabaran terhadap keupayaan PBB dalam melaksanakan peranannya dalam menjamin keamanan sejagat.

Pada saat inilah, tumpuan negara kecil, negara dunia ketiga yang sentiasa gentar dengan kuasa polis dunia, Amerika Syarikat, beralih ke Kuala Lumpur minggu ini, untuk mengharapakan sisa-sisa pengharapan mereka disambut oleh Sidang Puncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Dengan bertemakan, 'Meneruskan Penyuburan Semula Pergerakan Negara-Negara Berkecuali', Malaysia, sebagai tuan rumah diharapkan mampu mengembalikan maruah serta kerelevanan NAM sebagai mewakili suara hati warga dunia dalam menangani kemelut kerakusan kuasa besar yang bertindak secara mengganas di atas nama PBB.

Secara kebetulan, harapan begitu tinggi terhadap NAM ini berlaku ketika

pergerakan itu akan diterajui oleh pemimpin negara sedang membangun yang begitu lantang mengkritik kebiadaban kuasa besar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kelunturan kepercayaan terhadap PBB, sudah dirasai agak lama dan bukan rahsia lagi. Maka, NAM yang selama ini menjadi forum dunia kedua terbesar

selepas PBB, diharap dapat mengambil alih peranan itu.

Sebab itulah, sidang NAM kali ini, menjadi begitu penting dalam sejarah

peradaban dunia, sejak sidang pertama di Belgrade pada 1961. Barangkali, tiba masanya, NAM yang selama ini sentiasa berkecuali, sesuai dengan namanya, menggunakan pendekatan dan semangat berkecuali itu untuk menjadi

'orang tengah' dalam memastikan keamanan dunia.

Reputasi Malaysia, Dr Mahathir khususnya adalah di antara kekuatan yang

boleh mengubah dan mencorakkan semula serta melakarkan fungsinya supaya menjadi lebih berpengaruh dan berkesan terhadap masyarakat antarabangsa.

NAM yang ditubuhkan untuk mengambil jalan tengah dalam perang dingin yang membabitkan persaingan dua blok Barat, tidak harus beranggapan bahawa

fungsinya turut berakhir dengan runtuhnya Tembok Berlin. Sebaliknya

semangat berkecuali itu perlu diterjemahkan dalam menangani kebiadapan yang sewenang-wenangnya berlaku melampaui garis sempadan kedaulatan negara, hak asasi kemanusiaan dan kerukunan hidup masyarakat antarabangsa.

Sebenarnya NAM memang mempunyai kekuatan dengan didukung oleh 114 negara dan dua anggota baru, berbanding hanya 25 negara ketika mula ditubuhkan. Tetapi, selama ini suaranya hanya sayup-sayup kedengaran kerana setiap anggota NAM, secara individu berasa tertekan disebabkan pengaruh kuasa besar.

Tetapi bukankah, kesepakatan 114 negara itu, yang juga dua pertiga daripada keanggotaan PBB, boleh mencetuskan satu gerakan dan gelombang suara yang kuat untuk mempengaruhi masyarakat antarabangsa, supaya mengharamkan keganasan dan kekejaman.

Apa yang diperlukan NAM ialah keberanian dan disertai dengan satu langkah berstruktur untuk menjadikannya sebuah organisasi yang kuat dan berpengaruh serta mendapat kepercayaan masyarakat antarabangsa.

Kini, di Kuala Lumpur pada minggu ini, NAM akan dipengerusikan oleh pemimpin yang suaranya bukan sayup-sayup kedengaran, tetapi lantang dan jelas. Ia akan menjadi satu suntikan tenaga baru kepada NAM dan inilah peluang untuk negara anggota menyahut seruan suara itu.

Sesungguhnya, ia bukanlah satu tugas mudah bagi Dr Mahathir, lebih-lebih

lagi harapan yang begitu tinggi disandarkan ke bahu beliau selepas sekian

lama dunia meratapi kebiadapan kuasa-kuasa besar.

Sebenarnya tidak ramai yang mengetahui bahawa Dr Mahathir sebenarnya berjaya melakukan turning over terhadap beberapa pemimpin kuasa besar dunia terhadap pendirian mereka mengenai rancangan serangan Amerika terhadap Iraq.

Agak tidak keterlaluan untuk diambil contoh bahawa negara seperti Perancis, Jerman dan China yang mula memberikan tekanan kepada Amerika dengan kuasa-kuasa pembatal di Majlis Keselamatan PBB adalah hasil titik peluh dan daya usaha Dr Mahathir dalam siri lawatan beliau ke negara itu tidak lama dulu.

Justeru, dalam memastikan usaha beliau dalam membendung keangkuhan kuasa

besar dapat diteruskan, maka persidangan NAM di Kuala Lumpur kali ini harus menjadi landasan sesuai untuk Malaysia melakukan perubahan besar yang membina untuk memastikan kehadirannya (NAM) dirasai dunia.

Demi kelangsungan NAM dan keberkesanan peranannya, tindakan yang drastik

sangat perlu, termasuk mencipta satu mekanisme yang boleh diguna pakai terhadap anggota dan bukan anggota yang mencabulinya. Dengan kata lain, NAM selepas persidangan di Kuala Lumpur ini, hendaklah bertukar menjadi sebuah organisasi bertenaga, bukan saja bertenaga bertindak menjamin kepentingan anggotanya, lebih penting ia berupaya bertindak mendisiplinkan

mereka. Menerusi cara dan nafas baru ini sajalah, NAM akan dihormati dan disegani.

Sebagai sebuah organisasi, NAM mempunyai senjata untuk memastikan

ia disegani, walaupun tidak digeruni oleh pihak lain. Secara kolektif, anggota NAM mempunyai sumber yang cukup untuk dijadikan senjata,

mempunyai  
kekuatan ekonomi serta tenaga manusia yang memadai untuk menjamin  
kepentingannya.

Lantaran itu, marilah kita sebagai rakyat Malaysia dapat sama-sama  
memberikan sokongan dan dokongan padu kepada pucuk kepemimpinan negara  
untuk menjayakan persidangan NAM.

Inilah juga masa terbaik untuk kita mempamerkan ciri ketamadunan Islam  
yang selama ini kita hayati sebagai negara Islam contoh di kaca mata  
dunia.

DR MOHD AZAM RAUZAN,  
Bandar Baru Uda,  
Johor Bahru, Johor.